

# Jangan guna UMNO pejuang kehendak kesatuan — Mahathir

KUALA LUMPUR 15  
Okt. — Dr. Mahathir  
Mohammed mengingatkan  
hari ini bahawa ahli UMNO  
yang menjadi ahli kesatuan  
sekerja tidak sepatutnya  
menggunakan UMNO un-  
tuk memperjuangkan ke-  
hendak kesatuan mereka.

Menteri Pelajaran itu  
menegaskan bahawa per-  
juangan UMNO adalah  
perjuangan kebangsaan dan  
tidak untuk mana-mana go-  
longan sahaja.

Menurut beliau, sedang-  
kan perjuangan kesatuan  
adalah perjuangan yang ti-  
dak selalu secukup dengan  
perjuangan UMNO.

Dr. Mahathir yang juga  
Nalb Presiden UMNO ber-  
kata demikian bagi meng-  
hapuskan sebarang kekelir-  
uan yang mungkin timbul  
berhubung dengan perkara  
itu.

Ini adalah berikutan de-  
ngan satu laporan dalam  
akhbar ini kelmarin meng-  
enal taklimat tertutup Dr.  
Mahathir kepada pemim-  
pin-pemimpin UMNO di  
Kedah yang telah menyebut  
tentang sikap ahli UMNO  
dengan kesatuan-kesatuan  
sekerja.

Dalam satu kenyataan  
hari ini, Dr. Mahathir ber-  
kata: "Dari laporan itu  
nampaknya saya menentang  
penglibatan ahli UMNO  
dalam kesatuan sekerja.

"Apa yang saya suarakan  
ialah ahli UMNO yang  
menjadi ahli kesatuan se-  
kerja tidak sepatutnya  
menggunakan UMNO un-  
tuk memperjuangkan

kehendak kesatuan mere-  
ka."

Beliau menegaskan baha-  
wa perjuangan kesatuan  
mestilah melalui kesatuan  
sendiri dan tidak melalui  
UMNO.

Bagaimanapun, menurut  
beliau, ahli UMNO yang  
masuk kesatuan sekerja  
adalah bebas memper-  
juangkan haknya sebagai  
pekerja melalui kesatuan.